

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 1/1983**

=====

**PROSES BAGI MENIMBANGKAN PERMOHONAN-PERMOHONAN
BAGI MENUKAR JENIS KEGUNAAN TANAH, MENGENAKAN SYARAT NYATA,
PECAH SEMPADAN, PENYATUAN DAN PERMOHONAN TANAH**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah supaya semua permohonan bagi menukar jenis kegunaan tanah hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam tempoh (3) tiga bulan dari tarikh permohonan itu diterima.

2. Majlis Tanah Negara dalam persidangan yang ke 35 pada 28hb, Ogos 1982 telah membuat keputusan bahawa semua permohonan-permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh menerima permohonan itu.
3. Untuk memastikan pelaksanaan keputusan tersebut, Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki menyediakan kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan dan menyampaikannya ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Selangor dalam tempoh 2 ½ bulan, untuk membolehkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Selangor menyemak dan memproses permohonan itu supaya dapat disampaikan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam tempoh (3) tiga bulan.
4. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb. April, 1983.
5. Pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini diarahkan supaya mematuhi keputusan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara itu.

PTG. Sel. 244
Shah Alam.
18hb Mac 1983.

T.T
(Abdul Hadi Bin Haji Sidek)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR.